



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	RUGI RM200 SEHARI, CILI TAK TERJUAL, NEGERI SELANGOR/KL/PAHANG, SH-32 SAYA ORANG KERAJAAN - AHMAD, NEGERI SEMBILAN/JOHOR/P.PINANG, SH -36	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	FROM POND TO MARKET, AGROBANK, THE STAR -12	AGROBANK
4. 5.	'JOHN' BERTUKAR MILIK UNTUK RM18K, LOKAL, HM -18 JADI JUTAWAN TANI SELEPAS HAMPIR GILA DIKHIANATI, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/ KL/PAHANG	32

Rugi RM200 sehari, cili tak terjual

KUANTAN - Seorang pengusaha cili fertigasi di Kampung Cempaka di sini kerugian hampir RM200 sehari selepas 10 kilogram cili bara F1 tidak dapat dipasarkan susulan sekatan pergerakan Pelan Pemulihan Negara.

Mohd Sofian Abdul Wahid, 49, menyuarakan kebimbangan apabila tanaman cili bara F1 yang diusahakan di tanah seluas 0.8 hektar itu sudah dituai dua kali, bagaimanapun pandemik Covid-19 telah merencatkan proses penjualan dan penghantaran bekalan kepada pelanggan.

"Kebiasaannya lebih 10kg dituai setiap hari, tapi sejak kebelakangan ini hanya dua ke tiga kilogram dalam tempoh tiga hari. Itu pun tempahan daripada pelanggan di sekitar Kuantan.

"Sebelum ini, saya boleh pasarkan cili saya ke beberapa daerah di Pahang selain Melaka dan Negeri sembilan, tapi kini saya tidak dapat berbuat demikian," katanya ditemui di kebun cilinya di Kampung Cempaka, di sini pada Ahad.

Sehubungan itu, Mohd Sofian merayu pihak berkaitan supaya membantunya memasarkan hasil tanaman tersebut yang diusahakan sejak setahun lalu.

"Saya usahakan kebun ini

dengan modal sendiri dan kaedah penanaman cili jenis bara F1 ini juga adalah hasil pengalaman ketika berada di Australia dua tahun lalu.

Menurut Mohd Sofian, sistem fertigasi untuk kebun itu direka sendiri dan kosnya melanbelanja sekitar RM20,000.

"Pernah juga saya cuba mendapatkan bantuan daripada Jabatan Pertanian Negeri Pahang, namun disebabkan PKP, ada pegawai yang tidak masuk pejabat kerana arahan bekerja dari rumah, jadi saya tidak dapat bertemu mereka," ujarnya.

Tambahnya, pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga membantu dari aspek memasarkan hasil kebun cili ini dengan menjualnya kepada para peniaga di sekitar daerah Kuantan.

Beliau juga menghasilkan cili jeruk untuk dijual di kawasan sekitar, termasuk kenalan bagi mengelakkan cili yang sudah dituai rosak.

"Saya harap sangat pihak Jabatan Pertanian dan wakil FAMA dapat membantu saya, tidak kiralah bantuan latihan atau aspek pemasaran tapi datanglah tengok kebun ini dan salurkan bantuan sewajarnya," katanya



Mohd Sofian memetik cili yang ditanam di Kampung Cempaka, Kuantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SEMBILAN/ JOHOR/ P.PINANG	36

Saya orang kerajaan - Ahmad

Tetap setia dan taat kepada kerajaan yang memerintah ketika ini

Oleh SYAJARATULHUDA MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

"Saya orang kerajaan," tegaskan Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri, Ahmad Hamzah ketika ditanya mengenai cadangan rentas parti yang dikemukakan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Jumaat.

Ahmad yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1 (MAFI) berkata, beliau akan tetap setia dan taat kepada kerajaan yang sedang memerintah pada waktu ini.

"Saya datang ke sini atas urusan rasmi kerajaan. Oleh itu, saya tidak dapat memberi apa-apa komen.

"Sebagai orang kerajaan, saya akan bersama-sama kerajaan Perikatan Nasional (PN). Saya orang kerajaan dan saya akan tetap taat dan setia kepada kerajaan," katanya ketika menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin di Wisma Anak Yatim Lelaki Pulau Pinang di sini

pada Sabtu.

Pada Jumaat, Muhyiddin mengemukakan cadangan persefahaman rentas parti bagi membolehkan usul percaya kepada Perdana Menteri diluluskan dengan undi bipartisan di Dewan Rakyat, sekali gus kerajaan boleh terus berfungsi mengurus pandemik hingga tiba masa sesuai untuk diadakan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Menurut Muhyiddin, beliau sudah berunding dengan ahli kabinet dan pimpinan parti-parti dalam kerajaan PN untuk membuat keputusan terbaik demi rakyat dan negara, bukan kepentingan peribadi serta rakan-rakan lain.

Sementara itu, Ahmad berkata, sebanyak 1.5 tan metrik sayur-sayuran, buah-buahan dan produk industri makanan bernilai RM25,000 telah disumbangkan melalui MAFI Prihatin di Pulau Pinang pada Sabtu.

Beliau berkata, MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyerahkan bantuan itu kepada pelbagai badan-badan kerajaan (NGO) sebagai usaha membantu mereka yang terkesan ketika penularan pandemik Covid-19.

"Antara NGO yang menerima bantuan ini adalah Persatuan Ibu Tinggal Pulau Pinang; Gabungan Persatuan Pemandu Teksi; Persatuan



Ahmad (tga dari kiri) menyerahkan bantuan kepada salah seorang penerima MAFI Prihatin di Wisma Anak Yatim Lelaki Pulau Pinang pada petang Sabtu.

Penarik Beca Pulau Pinang, golongan B40 dan petugas barisan hadapan.

"Jumlah keseluruhan penerima adalah 500 orang yang mana sayur-sayuran disumbangkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, manakala produk industri makanan oleh usahawan tempatan," katanya.

Ahmad berkata, sehingga 8 Ogos lalu, seramai 71,491 penerima di 400 buah lokasi di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin dengan melibatkan 10 buah jabatan dan agensi di bawahnya.

"Sementara itu, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, ia telah memberi manfaat kepada 29,004 orang terdiri daripada petugas barisan hadapan, badan kebajikan dan NGO di 152 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 56.19 metrik tan makanan telah disalurkan.

"Bagi program MAFI Prihatin anjuran FAMA Pulau Pinang, ia telah memberi manfaat kepada 1,162 orang penerima di 24 lokasi dengan 5.6 metrik tan makanan telah disumbangkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/8/2021	THE STAR		12



Bank Pertanian Malaysia Berhad (Incorporated in Malaysia) Company Registration No: 200801010522 (811810-U) Lebuh Pasar Besar, P.O. Box 10815, 50726 Kuala Lumpur

INDEPENDENT AUDITORS' REPORT TO THE MEMBER OF BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (CONT'D)

Report on the summary financial statements (cont'd)
Auditors' responsibility

Our responsibility is to express an opinion whether the summary financial statements are consistent, in all material respects, with the audited financial statements based on our procedures, which were conducted in accordance with Malaysian Approved Standard on Auditing (ISA) 910 (Revised), "Engagements to Report on Summary Financial Statements".

Other Matters

Our report on the summary financial statements of Bank Pertanian Malaysia Berhad for the financial year ended 31 December 2020 is issued in compliance with Bank Negara Malaysia Guidelines and for no other purpose.

Ernst & Young PLT
202006000003 (LLP0022700-LCA) & AF 0039,
Chartered Accountants
Kuala Lumpur, Malaysia
27 May 2021

Wan Deneema Liza Bt Wan Abdul Rahman
No. 02979/032022 J
Chartered Accountant

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010522 (811810-U)



FROM POND TO MARKET



DIRECT & INDIRECT INPUT SUPPLIERS



FARMING & PRODUCTION



PRIMARY & SECONDARY PROCESSING



LOGISTICS & STORAGE



WHOLESALERS & RETAILERS



CONSUMERS

ADVANCING AGRICULTURE BEYOND BANKING

We offer financial services as well as other supportive solutions.



Savings & Deposits



Trade Finance



Business Financing



Personal Financing



Electronic & Agent Banking



Other Financial Services

For financial support of your agri business, talk to us today!

1 300 88 2476 (LOCAL) +6 03 2079 0600 (INTL)

Marang: Seorang penternak lembu menjual lembu baka limosin kesayangannya dengan harga RM18,000 seekor, baru-baru ini.

Lembu baka berusia setahun 10 bulan dianggarkan seberat 900 kilogram dan dipanggil John itu dibeli tunai seorang penternak dari Selangor.

Nor Faizi Mamat, 25, dari Kampung Bukit Parit di sini, berkata, dia menternak lembu itu sejak sebulan lalu sebelum ia ditawarkan dengan harga berkenaan.

"Saya beli John daripada kenalan di Kampung Binjai Rendah dengan harga tinggi untuk dijadikan pembaka di kandang.

"Selepas gambar dan video John dimuat naik di media sosial, saya terus mendapat pesanan daripada pembeli berkenaan yang berminat membeli John.

"Jika ikutkan hati saya enggan jual kerana bukan senang mendapatkan lembu baka bersaiz besar seperti itu pada usia di bawah dua tahun," katanya.

Menurutnya, dia mengambil masa dua minggu sebelum membuat keputusan dan pada mulanya meletak harga RM19,000 dengan ha-

rapan pembeli tidak membelinya.


Katanya, selepas melihat kesungguhan pembeli itu yang sanggup menawarkan harga RM18,000, dia terdorong untuk menjualnya.

"John seberat 900kg sekarang dan dalam setahun lagi ia boleh mencapai berat satu tan metrik.

"Saya gunakan hasil jualan untuk beli dua lembu baka charolais dan limosin lain pada harga RM10,000 dan RM8,000 bagi menggantikan John," katanya.

'John' bertukar milik untuk RM18k

JOHN yang berusia setahun 10 bulan dibeli seorang penternak dari Selangor.



16/8/2021

SINAR HARIAN

WARNA-WARNI

19

KEHIDUPAN

Kini mampu memiliki 20 pekerja, ladang seluas 80 hektar

KUALA LUMPUR

Dengan modal yang diberikan, saya mula membangunkan empayar dalam bidang penternakan dan pada masa sama perniagaan dalam bidang kontraktor diteruskan sehingga mendapat kembali kepercayaan daripada pelanggan.

Usahawan tani ini nyaris gila pada 2011 sebaik syarikat kontraktor yang diusahakan sejak berusia 18 tahun, hampir gulung tikar gara-gara dikhianati.

Ahmad Shawal Mispan yang ketika ini berusia 27 tahun dan sedang seronok menggecap nikmat bergelar jutawan muda dengan memiliki pelbagai aset serta kenderaan mewah, 'terhubung' apabila kehilangan juttan ringgit dalam sekelip mata sebelum dihirup masalah hutang. Ia membolehkan beliau mengulangi tekadan perasam melampau sehingga hilang pedoman dan melakukan perasam pelik termasuk mengasingkan diri di bawah tarbitan me-

nyebabkannya dipandang serong oleh masyarakat.

Namun, mujurlah bapanya Mispan Za'idah, 73, dan ibunya Siti Khatijah Musanif, 63, ber-tindak pantas 'mewelamatkan-nya' dan mengembalikan keyakinan sehingga beliau kembali bangkit dan bertatih menyertai bidang pertanian serta penternakan.

"Ibu bapa sadar diri saya yang mengalami tekanan mental, jadi mereka berusaha untuk tarik saya kembali.

"Mereka bina kandang lembu hasil daripada juttan tanah di Negeri Sembilan dan saya juktakannya sebagai satu terapi. Hari-hari hidup saya hanya dengan lembu, bercerita dengan hatwari itu sehingga saya lupa dengan dunia luar dan masalah

Jadi jutawan tani selepas hampir gila dikhianati

sar seperti Giant, Econsave, Tesco dan Sri Teriak Mart Sdn Bhd di seluruh negara serta Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat dan menjadi orang daripada pembekal halia dan lengkuas utama di negeri ini.

Untuk perancangan masa hadapan, beliau yang banyak menerima bimbingan PPK Kuala Langat bercadang untuk meng-usahakan penternakan ayam da-ling dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Walaupun saya hanya ber-kelulusan darjah enam dan per-nah gagal, namun itu bukan batu penghalang untuk berjaya. Yang penting jangan putus asa, kena berfikir positif dan mempunyai semangat kental untuk hadapi cabaran," tegas beliau.

Enggan nikmat kejayaan itu dikesepi sendiri, Ahmad Shawal yang juga mesra dengan panggi-an Boboy turut berganding bahu bersama PPK Kuala Langat de-ngan menjadi tenaga pengajar dalam bidang keusahawanan tani.

Ia bagi melaburkan lebih ra-mat usahawan dalam kalangan golongan muda khususnya agar mampu berdaya sangg terutama-nya dalam kalangan B40 yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Sehingga kini, Ahmad Shawal yang merupakan anak keempat daripada sembilan adik-beradik itu mampu mengupah seramai 20 pekerja untuk menjaga ladang tanamannya dan ternakan lembu-nya. - Bernama



Ahmad di hadapan lembu yang turut diusahakan olehnya di Banting, Selangor.

Ahmad Shawal di ladang seluas 80 hektar di Banting, Selangor.

FOTO: BERNAMA